



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin

50604 Kuala Lumpur

Tel : 03 6204 6000

Fax : 03 6204 6801

Portal : Jpwpkl.moe.gov.my

Emel : jpn.wp@moe.gov.my

Ruj. Kami : JPWPKL 600-3/4/16 (47)

Tarikh **09** Jun 2022

Wong Chiew Peng,
Young Buddhist Association Of Malaysia,
No.9, Jalan SS25/24, Taman Mayang,
47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN MURID BERAGAMA BUDDHA DALAM KUIZ PENGETAHUAN AM AGAMA BUDDHA DALAM TALIAN TAHUN 2022 BAGI MURID SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN YOUNG BUDDHIST ASSOCIATION OF MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat daripada **Young Buddhist Association Of Malaysia** dirujuk dan berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) telah menerima dan meneliti permohonan tuan serta **tiada halangan** untuk penglibatan murid beragama Buddha dalam **Kuiz Pengetahuan Am Agama Buddha Dalam Talian Tahun 2022**.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) memohon kerjasama pihak tuan untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- 3.1 Mendapatkan kebenaran Pengetua/Guru Besar bagi penyertaan guru dan murid;
- 3.2 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;
- 3.3 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 3.4 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunakan bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.5 Tiada unsur paksaan kepada sekolah, guru dan murid untuk menyertai aktiviti tersebut;
- 3.6 Penyertaan murid dan guru **tidak mengganggu atau menjejasaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP);
- 3.7 Penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada guru dan murid yang terlibat;
- 3.8 Pihak penganjur perlu memberikan laluan kepada guru dan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah sekiranya aktiviti tersebut bertindih dengan aktiviti/program sekolah;
- 3.9 Pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid terlibat;

..2//

JPWPKL 600-3/4/16 (47)

- 3.10 Selaras dengan Pelaksanaan Pendidikan Sivik yang masih berkuatkuasa di semua sekolah di bawah KPM, penganjur dimohon untuk memastikan kesedaran sivik dan amalan nilai murni dapat terus dijadikan sebagai salah satu perkara wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung seperti gotong royong membersihkan kawasan (sekiranya program dilaksana secara bersemuka);
- 3.11 Tiada implikasi kewangan kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah yang terlibat;
- 3.12 Pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa.


4. Kebenaran ini adalah untuk program yang dinyatakan seperti di atas dan **tamat tempohnya selepas 31 Ogos 2022**. Pihak tuan boleh menghubungi **Encik Mohamed Reza bin Aliasad, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** di talian **03-62046095/012-6594158** untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(**HAJAH NORHAYATI BINTI HAJI AB WAHAB**)
Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

MRA/2022/kuizagamabuddha/surat